

Kuala Lumpur

Untung bersih MSM Malaysia merosot kepada RM13.1 juta

Keuntungan bersih pengeluar gula terbesar di negara ini, MSM Malaysia Holdings Bhd merosot 9.1 peratus kepada RM13.1 juta pada suku keempat berakhir 31 Disember lalu berbanding RM14.4 juta tempoh sama tahun sebelumnya.

Penurunan itu dipengaruhi pendapatan lebih rendah bagi suku berkenaan iaitu RM656.1 juta, 21.7 peratus lebih rendah daripada RM838.3 juta diperoleh tahun sebelumnya.

Kumpulan itu berkata, pendapatan lebih rendah berlaku disebabkan pengurangan 12 peratus dalam jualan keseluruhan pasaran tempatan, manakala untung lebih rendah pula berikutan kos kewangan yang lebih tinggi dan cukai.

Bagi tahun kewangan 2017, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih RM32.6 juta atau 4.63 sen sesaham berbanding untung bersih RM120.7 juta atau 17.18 sen sesaham yang dicatatkan pada 2016.

Prestasi itu disebabkan

kos bahan mentah yang tinggi dan nilai ringgit yang lemah.

Bagaimanapun, pendapatan Kumpulan menunjukkan peningkatan 0.29 peratus kepada RM2.67 bilion bagi tahun kewangan lalu daripada RM2.66 bilion tahun sebelumnya disumbangkan purata harga jualan yang meningkat bagi tahun dikaji.

Bagi bahagian gula termasuk penapisan gula, jualan dan pemasaran gula ditapis dan dagangan gula, ia mencatatkan kerugian sebelum cukai RM35 juta pada tahun dikaji berbanding keuntungan sebelum cukai RM138.6 juta tahun sebelumnya.

Segmen minyak sawit dan getah berjaya mengurangkan kerugian sebelum cukai kepada RM2.32 juta pada tahun lalu berbanding RM6.37 juta pada 2016.

Mengulas lanjut, Kumpulan kekal optimistik dengan unjuran tahun ini yang menjangka dapat keuntungan daripada operasi ditambah baik.